

R GB 08-11 00196 BH081

bah

KELAB IJMNO LUAR NEGERI KAGUM DENGAN KETEGASAN PM  
Mahathir - Kelab

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Wakil-wakil kelab UMNO di luar negeri yang hadir sebagai pemerhati khas pada Perhimpunan Agung UMNO di sini hari ini kagum dengan ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usahanya memajukan orang Melayu menerusi Wawasan 2020.

Pemangku Presiden Kelab UMNO Pakistan, Encik Azhar Ahmad berkata, Malaysia pasti akan mencapai kemajuan yang bertepatan sekiranya ada lagi seorang Perdana Menteri seperti Datuk Seri Dr Mahathir selepas tahun 2020.

+ Sekiranya kita dapat seorang lagi pemimpin seperti Dr Mahathir maka bangsa Melayu akan menjadi bangsa yang agung di dunia, + kata beliau ketika ditemui selepas perasmian perhimpunan agung itu.

Timbalan Presiden Kelab UMNO California, Encik Suhaimi Mohd Ghazali pula bersetuju dengan saranan Datuk Seri Dr Mahathir bahawa orang Melayu tidak mempunyai cara lain lagi untuk menjadi bangsa yang maju pada tahun 2020 melainkan bersatu-padu dan bekerjasama.

Pengerusi Kelab UMNO Jakarta, Encik Lukman Nurhakim Fadhil Abu Bakar menyifatkan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai kena pada masanya dalam menyedarkan orang Melayu supaya mengubah corak hidup tradisional kepada profesional. -- Lagi

♥08/11/14-41MST

CNS0244

R GB 08-11 00176 RI-1882

bah

Mahathir - Kelab 2 Kuala Lumpur

Presiden Kelab UMNO Kaherah, Encik Mohd Husni Tamrin Mohd Shariff pula menyifatkan Perdana Menteri sebagai pemimpin yang berpandangan jauh melalui usahanya untuk menangani masalah orang Melayu sebelum tiba tahun 2020.

Timbalan Presiden Kelab IJMNO Jepun, Encik Abdul Rahman Mahmud menyifatkan ucapan Presiden UMNO sebagai satu cabaran kepada semua bumiputera di negara ini untuk memajukan diri supaya tidak lagi dijajah ekonomi dan pemikiran.

Wakil Kelab IJMNO Australia, Encik Osman Haji Yahya berharap ucapan Datuk Seri Dr Mahathir akan menginsafkan orang Melayu yang suka memecah-belahkan bangsa sendiri supaya bersatu ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Pengerusi Kelab IJMNO Wellington, Encik Zamri Baba tertarik dengan usaha Datuk Seri Dr Mahathir untuk membebaskan kemerdekaan negara melalui Wawasan 2020 dan ketegasan beliau menghadapi negara asing yang cuba mengugut Malaysia.

Pengerusi Kelab IJMNO United Kingdom-Fire, Encik Zulkifli Mohamad pula berkata, pihaknya telah menganjur beberapa seminar-pengurusan dan usaha menyatupadukan orang Melayu serta pelajar Malaysia di sana bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. -- Bernama

♥08/11/14-44MST